

Tulis **HORMAT** atau **TIDAK HORMAT** dalam petak kosong bagi perbuatan atau situasi berikut:

BIL	PERBUATAN ATAU SITUASI	JAWAPAN
1	Murni bermasam muka apabila bapanya terlewat menjemputnya pulang dari sekolah.	
2	Husna memberikan tempat duduknya kepada seorang wanita yang mengandung di dalam bas itu.	
3	Faiz menghentakkan kakinya apabila bapanya menyuruh mencuci kereta.	
4	Asnol membantah arahan ibunya dengan meninggikan suaranya.	
5	Sewaktu ayah membaca doa selepas sembahyang, kami menadah tangan dan mendengar doa dengan khusyuk.	
6	Aliya memperlahankan bunyi muzik sewaktu ayahnya sedang tidur.	
7	Yasmin membongkokkan badannya semasa lalu di hadapan neneknya.	
8	Munirah berkunjung ke rumah Dayana dan bersalaman dengan ibu dan bapanya.	
9	Sofiana dan adiknya, Felina keluar rumah tanpa memberitahu ibu bapanya.	
10	Masitah mencelah percakapan ayahnya yang sedang berbincang dengan neneknya.	
11	Redza ingin menggunakan tandas, tetapi kakaknya berada di dalam tandas itu lalu dia berkata dengan kasar dan menyuruh kakaknya keluar dengan segera.	
12	Walaupun Yussof Haslam seorang pegawai polis yang berpangkat tinggi, tetapi dia melayan orang-orang bawahannya dengan baik.	
13	Salleh suka mengganggu kawan-kawannya yang sedang belajar di perpustakaan sekolah.	
14	Zulaikha sedang berjalan-jalan di kawasan bandar, tiba-tiba dia terserempak seorang tua yang hendak menyeberang jalan. Dia menghampiri orang tua itu dan memimpinya ke seberang jalan.	
15	Adik mengganggu permainan kesayangan kamu lalu kamu mengambilnya dengan kasar.	
16	Badrul sedang berjalan-jalan di kedai, tiba-tiba dia ternampak cikgunya lalu Badrul berpura-pura tidak nampak cikgunya.	
17	Arabella ialah anak orang kaya dan dia suka mengejek rakan-rakannya yang tidak setaraf dengannya.	
18	Ibu sedang berbual-bual dengan tetamu di rumah lalu kamu mengganggu perbualan mereka.	
19	Baizura memberi salam kepada pengetua sekolah.	
20	Pian dan Waie bercerita ketika guru mereka sedang mengajar.	